

TR: 1:4:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI JAMUAN
TEH ANJURAN UMNO BUKIT BINTANG DI TURF
CLUB, KUALA LUMPUR PADA 28 APRIL, 1965

Tuan Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan Ahli-ahli UMNO Bahagian Bukit Bintang dan kepada ketua-ketua serta Ahli-ahli Perikatan sekalian, yang telah sudi mengadakan jamuan dan sambutan yang begini meriah bagi meraikan saya dan rombongan Muhibbah Malaysia ke Afro-Asia yang baharu sahaja pulang ke tanahair.

Saya telah dapat peluang pada kali ini melawat 13 buah negeri di Afrika Timur, Timur Tengah dan juga di Asia dan dapat berunding serta berjumpa dengan pembesar-pembesar di negeri itu dengan tujuan hendak memperkenalkan Malaysia dan menerangkan dasar dan kedudukan negara kita yang sebenarnya dan menunjukkan yang Malaysia ini adalah suatu negara yang merdeka dan berdaulat yang baharu mencapai kemerdekaan dan rakyat Malaysia ini adalah mempunyai cita-cita dan hasrat-hasrat sama juga dengan rakyat lain di negeri-negeri Afro-Asia.

Saya suka mengambil peluang ini bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pembesar-pembesar dan Kerajaan negeri-negeri yang saya lawati itu di atas sambutan yang diberikannya kepada saya dan rombongan kita dan di atas fahaman dan sokongan yang ditunjukkan kepada negara kita Malaysia.

Saya telah dua kali melawat Benua Afrika dan Timur Tengah — kali pertama dahulu saya melawat ke Afrika Utara dan baharu-baharu ini ke Afrika Timur. Saya yakin dengan lawatan-lawatan ini kita telah dapat mencapai persefahaman politik dan persahabatan dengan negara-negara Afro-Asia itu. Kita dapat menunjukkan kepada mereka bahawa Malaysia ialah suatu negara yang merdeka dan berdaulat yang suka hendak bekerjasama dan bersahabat dengan saudara-saudara yang di Afrika dan di Asia.

Lawatan saya ke Afrika itu telah menunjukkan betapa besar hasrat dan cita-cita bangsa Malaysia dan Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perikatan, hendak bersama-sama dengan negara-negara yang baru muncul di Afrika dalam mencari persefahaman politik, perdamaian dunia, kemakmuran rakyat Afro-Asia dan menegakkan kedaulatan dan kemerdekaan negara-negara Afro-Asia.

Lawatan saya ke Afrika itu telah mengeratkan lagi persahabatan dan setiakawan dan cita-cita rakyat Afro-Asia. Cita-cita Afro-Asia, cita-cita kita kerana kita ialah bangsa Afro-Asia yang baharu lahir.

Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat dalam lingkungan Afro-Asia. Negara kita, pada hakikat ilmu alam, sebuah negara Afro-Asia dan pada hakikat politik dan dasar luar negara kita yang bebas, kita adalah juga sebuah negara Afro-Asia. Cita-cita rakyat kita tidak berlainan dengan cita-cita rakyat Afro-Asia — yang mahu keamanan dan kemakmuran dunia serta melahirkan kebahagiaan dan harapan yang cemerlang kepada negara-negara yang baharu mencapai kemerdekaannya.

Malaysia mempunyai sifat-sifat seperti sifat-sifat yang dipunyai oleh negara-negara Afro-Asia yang lain dan kemerdekaan kita telah pun diakui bukan sahaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu malah oleh negara-negara Afro-Asia yang gagah seperti Republik Arab Bersatu, Algeria, Tanzania, Kenya dan lain-lain lagi.

Memandang kepada sambutan mesra, persahabatan dan persefahaman politik yang diberi kepada saya dalam lawatan-lawatan saya ke Afrika itu, dan memandang kepada pandangan tinggi yang diberi kepada Malaysia oleh pemimpin-pemimpin Afro-Asia seperti Presiden Ahmad Ben Bella dan King Hassan, Presiden Bourgiba dan Nyerere, saya yakin dengan kehendak Tuhan, sokongan-sokongan bapa-bapa Kemerdekaan Afro-Asia ini dan usaha kita sendiri Malaysia akan diterima masuk ke dalam Persidangan Afro-Asia yang akan diadakan di Aljiers pada bulan Jun ini.

Hanya Indonesia dan China Komunis dan beberapa buah negara-negara Komunis sahaja yang sedang berusaha untuk menggagalkan kehadiran kita ke Persidangan Afro-Asia itu. Mereka sedang menaburkan fitnah-fitnah yang kononnya kita ini neo-kolonialis dan bukan negara yang berdaulat dan kerana itu tidak patut hadir di Persidangan Afro-Asia itu.

Usaha-usaha mereka itu tetap akan gagal kerana kita telah mendapat sokongan yang kuat dari negara-negara Afro-Asia yang tulen yang mahukan perpaduan dalam Afro-Asia kekal dan maju buat selamanya.

Negara-negara dalam Afro-Asia mahu segala perselisihan dirundingkan secara damai. Indonesia dan China Komunis susah kelak hendak menyakinkan pemimpin-pemimpin seperti Presiden Nasser, Jomo Kenyatta, Ahmad Ben Bella dan lain-lain lagi bahawa kita ini neo-kolonialis. Kalau kita neo-kolonialis masakan mereka, pemimpin-

pemimpin besar itu, menerima kita dan memberi penghormatan kepada negara kita yang mana setengah-setengahnya mempunyai perhubungan diplomatik dengan kita dan yang lain telah bersetuju mengadakan perhubungan diplomatik.

Fitnah-fitnah Indonesia tidak berkesan lagi dan semenjak lawatan-lawatan yang dibuat oleh kita ke Afrika, kita telah menimbulkan 'image' yang baharu kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat Afro-Asia bahawa Malaysia adalah negara yang sungguh-sungguh mahu dan sungguh-sungguh menjunjung tinggi prinsip-prinsip Afro-Asia dan semangat berbaik-baik antara bangsa dan menghormati kedaulatan dan kemerdekaan antara satu dengan lain. Mereka sedar bahawa Malaysia boleh memainkan peranannya yang besar dalam perpaduan setia kawan Afro-Asia dan dalam menjamin keamanan di Tenggara Asia. Kita menyeru supaya Indonesia kembali menghormati semangat Afro-Asia dan juga Bandung yang dianjurkan oleh Indonesia sendiri dan Perjanjian Manila.

Kita berharap akan menghantar rombongan-rombongan dari negara ini ke Afrika seperti ke Afrika Barat dan kita mempunyai rancangan-rancangan untuk menghantar rombongan-rombongan muhibbah ke seluruh negeri lain di dunia untuk mencanangkan dan menegakkan kebenaran Malaysia. Kita akan mengejar jejak-jejak fitnah Indonesia di manapun; kita akan membasuh bersih segala kekotoran Indonesia yang sedang ditaburinya di tempat-tempat lain.

Memandang betapa pentingnya semangat setiakawan Afro-Asia diliormati dan kerana memikirkan mustahaknya kita menelanjangkan segala fitnah-fitnah Indonesia terhadap kita maka Malaysia sedia, bila-bila masa pun, jika negara-negara Afro-Asia yang bukan kulit putih sedia memberi bantu kepada kita, kita sedia menerimanya.

Tuduhan-tuduhan yang mengatakan kita hanya sanggup menerima bantuan-bantuan tentera dari negara-negara Komanwel yang berkulit putih sahaja tidak betul. Saya katakan sekali lagi di sini bahawa Malaysia sedia menerima bantuan-bantuan tentera dari negara-negara Afro-Asia khususnya dari negara-negara Afro-Asia yang tidak berkulit putih yang tinggal dalam lingkungan Komanwel atau mana-mana negara Afro-Asia yang lain yang sanggup dan mampu membantu kita.

Dengan ini, fitnah-fitnah Indonesia dengan sendirinya gugur. Kita mahu menerima bantuan dari segala negara balikan kita sanggup menerima segala bantuan baik tentera atau bantuan yang lain-lain dari mana-mana negeri yang bersahabat dengan kita dan sedia hendak memberi pertolongan.

Kita sentiasa menjalankan dasar luar negeri yang bebas dan kita sedia hendak berkawan dengan semua negeri yang suka berkawan dengan kita terutama sekali negeri-negeri di Afro-Asia yang baharu mencapai kemerdekaannya. Kita tidak pro mana-mana pihak, kita hanya pro atau menyebelahi kepentingan negara kita sendiri. Oleh itu dalam menentukan dasar luar negeri kita, pertama sekali kita memandang kepentingan negara kita sendiri, keselamatan bangsa dan negara, keamanan dan ketenteraman dunia.

Cita-cita dan hasrat kita memang selama-lamanya hendak berbaik-baik dengan semua negara, termasuklah Indonesia. Kita sedia hendak berunding mencari persefahaman, perdamaian jika pencerobohan dapat ditamatkan dan kita sukacita dengan jasa baik daripada Kerajaan Jepun yang berusaha untuk mencari perdamaian antara kita dengan Indonesia.

Ada ura-ura perjumpaan perundingan di antara Y.T.M. Tunku dengan Presiden Soekarno akan dapat diadakan untuk membuka jalan bagi mencari penyelesaian dan perdamaian dengan Indonesia.

Akhbar Komunis Indonesia menentang perjumpaan ini. Kita harap Presiden Soekarno dan rakyat Indonesia yang benar-benar taat setia kepada bangsa dan negara dan berkehendakkan keamanan tidak akan dipengaruhi oleh fahaman Komunis yang sentiasa bertujuan hendak memecah belahkan kita dan mengekalkan huruhara dan pergaduhan di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain dan di antara satu puak dengan puak yang lain.

Berhubung dengan soal perjanjian pertahanan antara Malaysia dengan Kerajaan British itu, suka saya menyatakan bahawa Perjanjian Pertahanan itu adalah semata-mata untuk mempertahankan negara kita daripada serangan dari luar. Kita tidak bergantung kepada British semata-mata bahkan kepada negara-negara Komanwel yang lain dan semua negara-negara di Afro-Asia yang bersahabat dengan kita dan suka hendak memberi pertolongan.

Kita sedang membesarkan tentera kita dengan sedaya upaya kita supaya kita dapat mempertahankan tanahair kita dengan kekuatan dan kuasa kita sendiri.

Sudan lapan tahun lamanya negara kita terletak di bawah Perikatan dengan aman. Perikatan hendak berbaik-baik di antara semua bangsa. Pembangunan negara untuk menjadikan rakyat yang mundur dapat mengecap kemajuan dan kemakmuran. Pembangunan luar bandar untuk rakyat yang duduk di kampung-kampung daripada semua bangsa

dan sekarang kita sedang mengatur rancangan-rancangan untuk menyediakan rumah-rumah di bandar-bandar dan kemudahan-kemudahan lain.

Baru-baru ini kita mendengar khabar bahawa parti-parti pembangkang hendak menyatukan tenaganya di bawah Lee Kuan Yew. Parti-parti itu ialah UDP, PPP dan PAP.

Kita tahu UDP, PPP parti perkauman yang menentang Bahasa Kebangsaan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu. PAP dan Lee Kuan Yew selalu sebut fasal hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu hanya untuk menolong orang-orang Melayu supaya diberi tempat yang sempurna di dalam negeri.

Dalam negara kita yang mengandungi berbagai bangsa ini, orang-orang Melayu dan Bumiputera dan orang-orang Cina lebih kurang sama banyak dan bangsa-bangsa lain mustahak ada persefahaman di antara semua pihak sebelum kita dapat satukan bangsa-bangsa di negara kita.

Kalau cuba tubuhkan parti non-communal, parti itu menjadi seperti UDP, PPP dan PAP. Perikatan berkehendakkan semua rakyat berbaik-baik persefahaman. Kita tolong semua penduduk-penduduk negeri, kita jaga kesulitan suatu puak atau kaum supaya tiap-tiap orang mendapat tempat yang sempurna di negeri ini. Apabila ada persefahaman, tidak ada bimbang di antara satu sama lain dan baharulah dapat menjadi suatu bangsa.

Lee Kuan Yew sentiasa menggambarkan keadaan-keadaan yang sebenarnya dengan tidak jujur. Ia selalu menyatakan ada berselisih faham, ada racial tensions dengan tujuan supaya ia sendiri dapat menyelesaikan perkara itu. Sebenarnya sebelum Lee Kuan Yew muncul dalam politik Tanah Melayu tidak ada percakapan perselisihan faham. Lapan tahun Perikatan memerintah, rakyat duduk berbaik-baik. Tiap-tiap orang ada tempat di negara kita.

Kita tidak gentar menghadapi barisan parti pembangkang ini dan kita lihatlah apakah tindak tanduknya pada masa hadapan dan seluruh ahli-ahli Perikatan hendaklah berada dalam satu perpaduan yang kukuh.

Dengan perpaduan kita, tidak ada sesiapa pun akan dapat menggoncangkan kita.